

# JURNAL

PENYELIDIKAN ISLAM  
— BIL 30.2018 /1439H —



# AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH, ASHA'IRAH DAN AL-ASH'ARI: SATU PENGENALAN

**Muhammad Rashidi Wahab<sup>1</sup>**

**Mohd Fauzi Hamat<sup>2</sup>**

## **Abstrak**

Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah merupakan mazhab utama umat Islam. Manakala Asha'irah yang dipimpin oleh al-Ash'ari pula adalah aliran akidah terbesar dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Mazhab ini berkembang pesat di seluruh dunia termasuklah di rantau Nusantara dan Malaysia. Sumbangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mempertahankan akidah Islam dari ancaman aliran bidaah dan sesat mendapat pengiktirafan dari para ulama sepanjang zaman. Walau bagaimanapun, didapati masih ramai umat Islam di Malaysia, khususnya golongan awam, tidak mengetahui siapakah sebenarnya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Pada masa yang sama, terdapat juga dakwaan yang menyatakan bahawa aliran Asha'irah bukan dari kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Hal ini menyebabkan timbul polemik dan keraguan terhadap sebilangan umat Islam tentang aliran Asha'irah. Justeru, melalui kaedah analisis kandungan dokumen, artikel ini akan meneliti kedudukan Asha'irah dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berdasarkan sumber yang muktabar. Artikel mendapati bahawa Asha'irah merupakan aliran yang menjadi tunjang utama kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Maka mengeluarkan Asha'irah dari mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah tindakan yang melampau dan tidak bertepatan dengan fakta ilmiah.

**Katakunci:** Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Asha'irah, al-Ash'ari, Akidah, Malaysia

## **Abstract**

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah is the main sect of Muslims. While Asha'irah led by al-Ash'ari is the largest stream in Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. This*

---

<sup>1</sup> Muhammad Rashidi Wahab. Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu. E-mel: muhrashidi85@gmail.com.

<sup>2</sup> Mohd Fauzi Hamat. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Malaysia. E-mel: mfhamat@um.edu.my.

*stream is growing rapidly all over the world including in the archipelago in particular this country. The contributions of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah in defending the Islamic faith from the threat of heretical and misguided flows had received many recognitions from scholars throughout the ages. Meanwhile, Muslims in Malaysia are yet oblivious of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. At the same time, there are allegations that the Asha'irah sect is not part Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. This caused polemics and doubts over some Muslims about the sect of Asha'irah. Thus, through the content analysis, this article examines the position of Asha'irah in Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah based on the authoritative source. The article founded that Asha'irah is the pillar of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Thus removing Asha'irah from the sect of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah is a radical act and does not coincide with scientific facts.*

**Keywords:** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Asha'irah, al-Ash'ari, Theology, Malaysia*

## PENGENALAN

Majoriti umat Islam di Malaysia didapati telah berpegang dengan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sama ada dari aspek akidah, fikah dan tasawuf sejak dari awal kedatangan Islam di rantau Nusantara lagi. Dimaksudkan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di sini adalah, dari aspek akidah merujuk kepada aliran Asha'irah (pengasasnya al-Ash'ari), dari aspek fikah merujuk kepada mazhab Shafi'i (pengasasnya al-Shafi'i) dan dari aspek tasawuf merujuk kepada tokoh muktabar seperti al-Ghazali (m. 505H). Pada masa yang sama, umat Islam di Malaysia turut mengiktiraf aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang lain seperti Maturidiyyah dalam perkara akidah serta mazhab Hanafi, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali dalam perkara fikah. Begitu juga dalam perkara tasawuf yang turut mengiktiraf tokoh-tokoh lain seperti al-Junayd (m. 297H), al-Qushayri (m. 465H) dan lain-lain.<sup>3</sup>

Semua aliran dan tokoh yang dinyatakan ini adalah termasuk dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang diikuti ketokohan mereka dalam sejarah pemikiran Islam. Namun berdasarkan pengalaman penulis,

---

<sup>3</sup> Abdul Shukor Husin. 1998. Ahli Sunnah Waljamaah: Pemahaman Semula. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 7-8; Syamsul Bahri Andi Galigo dan Norarfan Zainal. 2012. Pengenalan Ahli Sunnah Waljama'ah: Sejarah, Pendekatan dan Pemahaman. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Hlm. 50-51.

terdapat dalam kalangan orang awam yang masih kurang mengenali siapakah sebenarnya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Selain itu, terdapat juga dakwaan yang menyatakan bahawa aliran Asha'irah bukan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kerana Asha'irah dikatakan menyalahi akidah Salaf. Bagi *golongan al-mutashaddid* ini, kumpulan mereka sahaja yang benar dan layak digelar sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, sedangkan kumpulan lain sebaliknya.<sup>4</sup> Implikasi dakwaan tersebut bermaksud mengeluarkan majoriti umat Islam yang beraliran Asha'irah daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, dengan membuat pelbagai tuduhan yang tidak berasas. Ia boleh menimbulkan polemik berpanjangan sesama umat Islam sehingga mewujudkan gejala serang-menyering antara satu sama lain sebagai tindakbalas mempertahankan pendirian masing-masing.<sup>5</sup>

Sehubungan itu, adalah penting bagi umat Islam di Malaysia mengetahui siapakah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang sebenar dan apakah manhajnya dalam akidah, walaupun secara ringkas. Justeru, artikel ini akan menengahkan pendirian para ulama muktabar bagi membuktikan kedudukan Asha'irah sebagai aliran akidah terbesar dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Artikel turut membahaskan metodologi pendalilan Asha'irah yang berasaskan kepada dalil *naqli* dan dalil *'aqli*. Artikel juga memaparkan ketokohan al-Ash'ari selaku pengasas aliran Asha'irah dan sorotan kedudukan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia. Sebagai permulaan, penulis terlebih dahulu akan membincangkan pengenalan kepada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah merangkumi aspek sejarah kemunculan, definisi dan prinsip-prinsip Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

## SEJARAH, DEFINISI DAN PRINSIP-PRINSIP AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Tarikh sebenar kemunculan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah tidak dapat ditentukan secara tepat, begitu juga tentang tokoh yang mula-mula

<sup>4</sup> Istilah *al-mutashaddid* adalah merujuk kepada golongan Wahabi (Salafi) kerana mereka mempunyai sikap yang sangat keras dan ekstrem terhadap umat Islam yang lain. Lihat 'Ali Juma'ah. 2011. *Al-Mutashaddidun Manhajuhum... wa Munaqashatu Ahammi Qadayahum*. Qahirah: Dar al-Maqsum. Hlm. 21. Walau bagaimanapun, Ibn Taymiyyah yang merupakan antara tokoh rujukan kumpulan Wahabi (Salafi) telah mengakui bahawa aliran Asha'irah adalah pejuang Islam dan menyatakan sesiapa yang melaknat Asha'irah hendaklah dikenakan hukuman ta'zir dan laknat tersebut kembali kepada mereka. Lihat Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Ahmad bin Taymiyyah al-Harani. 2005. *Majmu'ah al-Fatawa*. Tahqiq: 'Amr al-Jazar dan Anwar al-Baz. Mansurah: Dar al-Wafa'. Jld. 4. Hlm. 15.

<sup>5</sup> Zakaria Stapa. 2011. *Kedudukan Pemikiran al-Ash'ari dan al-Maturidi Dalam Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah*. Jurnal Islamiyyat (Jld 33). Hlm. 37-44.

memperkenalkan nama istilah ini. Namun sebilangan pengkaji menyatakan bahawa ia dimulai oleh Ahmad bin Hanbal (m. 241H) iaitu ketika beliau menjelaskan sifat-sifat orang beriman dan kesaksian Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah terhadap Allah SWT,<sup>6</sup> tetapi kenyataan ini didapati tidak bertepatan dengan fakta ilmiah. Ini kerana, berdasarkan penelitian, penamaan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah atau Ahl al-Sunnah telah digunakan lebih awal dari itu. Sebagai contoh, ketika menafsirkan ayat 106 dari surah ali-'Imran, Ibn 'Abbas RA (m. 68H) menyatakan bahawa muka orang-orang yang menjadi putih berseri itu ialah golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Manakala muka orang-orang yang menjadi hitam legam ialah ahli bidaah yang sesat serta pengikut-pengikut mereka.<sup>7</sup>

Ibn Sirin (m. 110H) pula menggunakan istilah Ahl al-Sunnah ketika menjelaskan bahawa periwayatan hadis daripada golongan Ahl al-Sunnah sahaja yang diterima, sedangkan periwayatan daripada ahli bidaah tidak diterima.<sup>8</sup> Selain itu, al-Thawri (m. 161H) turut menggunakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan menyatakan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah golongan pedagang dan jumlahnya sedikit sahaja.<sup>9</sup> Semua kenyataan ini membuktikan bahawa istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah digunakan semenjak generasi awal Salaf lagi dan ia bukan satu istilah baru muncul ketika zaman Ahmad bin Hanbal, apatah lagi pada zaman Khalaf. Namun istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah menjadi popular setelah berlaku pelbagai fitnah dalam kalangan masyarakat Islam terutamanya ketika pemerintahan Mu'tazilah.

Sejarah membuktikan bahawa para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah seperti Ahmad bin Hanbal dipaksa untuk mengakui pegangan Mu'tazilah dalam isu kemakhlukan al-Quran dengan melakukan ujian keyakinan

---

<sup>6</sup> Ibn al-Jawzi, 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin Muhammad. 1409H. *Manaqib Imam Ahmad bin Hanbal*. Tahqiq: 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin al-Tarki. Giza: al-Hijr Liltiba'ah wa al-Nashar. Hlm. 248; Mohd Sulaiman Yasin. 1997. *Ahlis-Sunah Wal-Jama'ah*. Bangi: Yayasan Salman. Hlm. 21.

<sup>7</sup> Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. 1999. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Tahqiq: Sami bin Muhammad al-Salamah. Riyad: Dar Thaibah. Jld. 3. Hlm. 92. Dalam hal ini, al-Suyuti turut membawakan beberapa hadis yang dikaitkan dengan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Namun hadis-hadis tersebut tidak kuat untuk dijadikan hujah kerana statusnya dipertikaikan oleh sebilangan ulama. Lihat al-Suyuti, 'Abd al-Rahman Jalal al-Din. 2011. *Tafsir al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur*. Damshiq: Dar al-Fikr. Jld. 2. Hlm. 291.

<sup>8</sup> Muslim, Abi al-Hussain Muslim bin al-Hajjaj. 2008. *Sahih Muslim*. Qahirah: Dar Ibn Hazm. Hlm. 9.

<sup>9</sup> al-Lalika'i, Abu al-Qasim Hibah Allah al-Hasan bin Mansur. 2001. *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Iskandariyah: Dar al-Basirah. Jld. 1. Hlm. 64.

*al-Mihnah*.<sup>10</sup> Maka penggunaan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah secara meluas dilihat bertujuan untuk membezakan antara akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan aliran bidaah seperti Mu'tazilah, Shi'ah, Khawarij dan sebagainya lagi. Selain itu, usaha para ulama menonjolkan penggunaan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam penulisan dan dakwah mereka, seperti Ahmad bin Hanbal menamakan sebuah karyanya *Risalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, menjadikan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini kian dikenali dan digunakan oleh umat Islam.

Dalam hal ini, al-Ash'ari (m. 330H) juga merupakan ulama yang terkehadapan dalam memperjuangkan nama dan manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Berkat usaha kerasnya itu, doktrin aliran bidaah dapat diruntuhkan sehingga majoriti umat Islam kembali berpegang teguh dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Al-Ash'ari juga berjaya menjadikan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai mazhab arus perdana sehingga hari ini. Apa yang pasti, kemunculan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah jauh berbeza dengan keadaan kemunculan beberapa aliran bidaah seperti Shi'ah dan Khawarij, kerana kemunculan kedua-dua golongan ini adalah bermotifkan politik kepimpinan umat Islam. Justeru, golongan Shi'ah dan Khawarij dikatakan sebagai dua buah parti politik agama terawal lahir dalam sejarah umat Islam sebelum kedua-dua aliran ini berkembang menjadi sebahagian daripada aliran pemikiran akidah.<sup>11</sup>

Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu definisi umum dan definisi khusus.<sup>12</sup> Namun dalam topik ini, perbincangan hanya difokuskan kepada definisi umum sahaja memandangkan definisi khusus akan dibahaskan dalam topik kedudukan Asha'irah. Justeru, menurut bahasa Arab, perkataan ahl membawa pengertian keluarga (Taha (20): 132), pengikut atau golongan tertentu (ali-'Imran (3): 70).<sup>13</sup> Maka mereka yang didapati mengikut atau berpegang dengan sesuatu, dikira ahli kepada kumpulan atau golongan itu. Contohnya *Ahl al-Madhhab*, adalah merujuk kepada mereka yang berpegang dengan mazhab tersebut.<sup>14</sup>

<sup>10</sup> Abu Rayyan, Muhammad 'Ali. T.th. *Tarikh al-Fikr al-Falsafi al-Islam: al-Muqaddimat 'Ilm al-Kalam al-Falsafah al-Islamiyyah*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah. Hlm. 98.

<sup>11</sup> Abdul Shukor Husin. 1998. *op.cit.* Hlm. 14; Abu Zahrah, Muhammad. 1996. *Tarikh al-Madhhab al-Islamiyyah*. Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi. Hlm. 31.

<sup>12</sup> al-Mahdali, al-Sayyid Muhammad 'Aqil bin 'Ali. T.th. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Madkhal wa Dirasah*. Qahirah: Dar al-Hadith. Hlm. 7.

<sup>13</sup> Sa'di Abu Jaib. 1998. *Al-Qamus al-Fiqh Lughatan wa Istilahan*. Damshiq: Dar al-Fikr. Hlm. 29.

Sedangkan perkataan ahli dalam bahasa Malaysia boleh dimaksudkan sebagai orang paling bijak, pakar atau mahir dalam sesuatu perkara (al-Anbiya' (21): 7), malah dikatakan juga seseorang yang mempunyai ketinggian ilmu pengetahuan terhadap sesuatu bidang tertentu.<sup>15</sup>

Manakala perkataan *al-sunnah* menurut bahasa bermaksud sirah dan jalan atau perilaku.<sup>16</sup> Sedangkan *al-sunnah* dari sudut istilah ulama hadis ialah segala yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW berupa ucapan, perkataan, penetapan, peribadi, akhlak sama ada sebelum atau selepas baginda dilantik menjadi utusan Allah SWT.<sup>17</sup> Di sisi ulama fikah pula, *al-sunnah* didefinisikan sebagai sesuatu perkara daripada Rasulullah SAW yang tidak menunjukkan ia fardhu atau wajib. Sebaliknya ulama akidah menyatakan *al-sunnah* adalah sesuatu hidayah atau petunjuk oleh Rasulullah SAW untuk dijadikan ikutan serta pegangan, maka sesiapa mengikuti *al-sunnah* mendapat pujian dan sesiapa menyalahi *al-sunnah* mendapat kejian.<sup>18</sup>

Oleh itu, jika dihubungkan perkataan ahl dan al-sunnah, maka istilah Ahl al-Sunnah dapat dimaksudkan sebagai golongan manusia yang mendokong serta berpegang dengan sunnah Rasulullah SAW. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Maka berpegang teguhlah kepada sunnahku dan sunnah Khulafa' al-Rashidin. Gigitlah ia (sunnah itu) dengan gerahammu.*<sup>19</sup> Perkataan *al-jama'ah* menurut bahasa Arab pula ialah sesuatu yang berbilang-bilang atau banyak.<sup>20</sup> Sedangkan jemaah dalam bahasa Malaysia bererti rombongan, kumpulan atau orang ramai yang mengikuti sesuatu.<sup>21</sup> Namun pengertian *al-jama'ah* ini masih memerlukan penjelasan lebih terperinci dalam definisi khusus Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah bagi menentukan aliran atau kumpulan manakah yang termasuk dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

---

<sup>14</sup> Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Makram. 2003. *Lisan al-'Arab*. Qahirah: Dar al-Hadith. Jld. 1. Hlm. 263.

<sup>15</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). 2010. *Kamus Dewan*. Noresah Baharom (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 16.

<sup>16</sup> Ibn Manzur. 2003. *op.cit.* Jld. 4. Hlm. 717.

<sup>17</sup> al-Siba'i, Mustafa. 1966. *Al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islam*. Misr: Dar al-Qaumiyyah. Hlm. 61.

<sup>18</sup> al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad al-Sharif. 1985. *Kitab al-Ta'rifat*. Bayrut: Maktabah Lubnan. Jld. 1. Hlm. 135.

<sup>19</sup> al-Tirmidhi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa. 1978. *Al-Jami' al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmizi*. Tahqiq: Ibrahim 'Atwah 'Awd. Qahirah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi. No. Hadis: 2676. Jld. 5. Hlm. 44.

<sup>20</sup> Ibn Manzur. 2003. *op.cit.* Jld. 2. Hlm. 201.

<sup>21</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). 2010. *op.cit.* Hlm. 621.

Maka gabungan definisi umum antara istilah Ahl al-Sunnah dan al-Jama'ah dirumuskan bahawa, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ialah kumpulan majoriti umat Islam yang mengikuti jejak langkah dilalui Rasulullah SAW, serta para sahabat, dalam memahami dan mempraktikkan Islam merangkumi aspek akidah, fikah dan akhlak.<sup>22</sup> Oleh itu, mana-mana individu atau aliran yang terkeluar daripada kumpulan majoriti umat Islam seperti Shi'ah dan Mu'tazilah yang didapati tidak mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW sebagai panduan dan ikutan melalui petunjuk al-Quran dan sunnah berdasarkan tafsiran jumur ulama adalah terkeluar daripada definisi umum Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini, walaupun mereka mendakwa bahawa mereka juga adalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>23</sup> Bahkan dari aspek sejarah kemunculan aliran bidaah turut membuktikan bahawa mereka bukan dari kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Perlu dicatatkan di sini bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah turut dikenali dengan pelbagai nama dan istilah lain. Antara nama tersebut ialah al-Sawad al-A'zam, al-Firqah al-Najiyah, al-Tai'fah al-Mansurah, Ahl al-Hadith, Ahl al-Haq, Ahl al-Naql atau Ahl al-Athar, Ahl al-Islam, Salaf al-Salih dan Ghuraba'. Walau bagaimanapun, semua nama yang dinyatakan ini tidak begitu popular dalam kalangan umat Islam berbanding nama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Berdasarkan definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini juga, para ulama telah menyusun prinsip-prinsip untuk mengenali aliran manakah yang tergolong dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ia sebagai huraian daripada enam Rukun Iman sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW.<sup>24</sup> Maka menjadi kewajipan bagi setiap Muslim yang *mukallaf* mengetahui prinsip-prinsip tersebut dengan sepenuh keyakinan bagi membentuk keimanan mereka kepada Allah SWT.

Dalam hal ini, Abu Hanifah merupakan tokoh terawal menyenaraikan dasar-dasar akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah melalui karyanya *al-Wasiyyah*. Beliau telah meletakkan 12 prinsip umum bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagaimana berikut:

---

<sup>22</sup> 'Ali Juma'ah. 2009. Al-Bayan Lima Yashghal al-Azhan: Fatawa Shafiyah Qadaya 'Ajilah. Qadira: al-Muqatam li al-Nashr wa al-Tawzi'. Hlm. 16; al-Mahdali. T.th. *op.cit.* Hlm. 7.

<sup>23</sup> Jalal Muhammad Musa. 1982. Nasha'ah al-Ash'ariyyah wa Tatawuraha. Bayrut: Dar al-Kitab al-Lubnani. Hlm. 15; Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Satu Analisis. Jurnal Usuluddin (Bilangan 25). Hlm. 140.

<sup>24</sup> Muslim. 2008. *op.cit.* No. Hadis: 8. Hlm. 18.



1. Mengakui bahawa iman ialah berikrar dengan lidah dan membenarkan dengan hati.
2. Mengakui bahawa amalan terbahagi kepada tiga iaitu fardhu, kurniaan dan maksiat.
3. Mengakui bahawa Allah SWT beristiwa' di 'Arash tanpa berhajat kepada *istiwa'*.
4. Mengakui bahawa sesungguhnya al-Quran adalah *Kalam* Allah SWT bukan makhluk.
5. Mengakui bahawa sebaik-baik manusia pada umat ini selepas Nabi Muhammad SAW ialah Abu Bakar RA, kemudian 'Umar RA, kemudian 'Uthman RA dan kemudian 'Ali RA.
6. Mengakui bahawa hamba bersama perbuatan, ikrar dan makrifahnya adalah makhluk.
7. Mengakui bahawa Allah SWT menciptakan makhluk dan tiada kekuatan pada mereka.
8. Mengakui bahawa kemampuan atau daya itu berlaku serentak dengan perbuatan.
9. Mengakui bahawa menyapu atas *khuf* adalah wajib bagi orang yang bermukim dalam tempoh sehari semalam, dan bagi orang yang bermusafir dalam tempoh tiga hari tiga malam
10. Mengakui bahawa sesungguhnya Allah SWT memerintahkan *al-Qalam* agar menulis.
11. Mengakui bahawa azab kubur tidak mustahil, soal dari malaikat Munkar dan Nakir adalah benar, dan syurga dan neraka juga adalah benar.
12. Mengakui bahawa Allah SWT menghidupkan segala jiwa (jasad) selepas kematian.<sup>25</sup>

---

<sup>25</sup> Abu Hanifah. *Al-Wasiyyah al-Imam Abi Hanifah fi al-Tawhid*. 2009. Dlm. Muhammad Zahid al-Kawthari. "Al-'Aqidah wa 'Ilm al-Kalam". Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hlm. 635-637.

Selain Abu Hanifah, al-Baghdadi juga telah menyenaraikan 15 prinsip akidah yang disepakati oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagaimana berikut:

1. Mengisbatkan hakikat-hakikat dan ilmu sama ada secara khusus atau umum berdasarkan al-Quran, sunnah Rasulullah SAW dan *ijma'* Salaf.
2. Mengetahui kebinasaan alam pada setiap bahagiannya yang terdiri daripada jisim-jisim dan sifat-sifat (*'arad*).
3. Mengetahui tentang pencipta alam (iaitu Allah SWT) dan sifat-sifat bagi zat-Nya. Ini kerana setiap perkara baharu semestinya wujud pencipta yang menciptakan.
4. Mengetahui sifat-sifat Allah SWT yang Qadim seperti sifat 'Ilm, Qudrah, Iradah, *Kalam* dan lain-lain.
5. Mengetahui nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT. Sumber ambilan nama-nama Allah SWT tersebut terbatas kepada al-Quran, sunnah Rasulullah SAW dan *ijma'* sahaja.
6. Mengetahui keadilan dan kebijaksanaan Allah SWT dalam menciptakan segala makhluk-Nya.
7. Mengetahui mengenai para rasul dan nabi sebagai utusan Allah SWT. Hal ini berlawanan dengan sebilangan aliran yang mengingkari kewujudan para rasul.
8. Mengetahui mukjizat para nabi serta rasul dan karamah para wali yang diberikan oleh Allah SWT.
9. Mengetahui rukun-rukun syariat Islam yang disepakati oleh umat Islam merangkumi lima Rukun Islam.
10. Mengetahui hukum-hukum tentang suruhan, larangan dan taklif bagi seseorang manusia.
11. Mengetahui kebinasaan manusia dan hukuman-hukuman yang bakal diterima oleh mereka di akhirat kelak.

12. Mengetahui kekhalifahan dan keimanan serta syarat-syarat kepemimpinan.
13. Mengetahui tentang hukum-hukum keimanan dan keislaman. Asas keimanan ialah *ma'rifah* Allah SWT dan *tasdiq* dengan hati.
14. Mengetahui peringkat kewalian dan martabat umat yang bertakwa kepada Allah SWT.
15. Mengetahui musuh-musuh Islam yang terdiri dari kalangan orang-orang kafir dan golongan hawa nafsu.<sup>26</sup>

Selain itu, didapati para ulama tidak menfokuskan kepada penjelasan prinsip-prinsip Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sahaja, sebaliknya mereka turut menyenaraikan ciri-ciri Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Dalam hal ini, Mohd Zaidi Ismail merumuskan bahawa terdapat tiga ciri penting bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah iaitu:

1. Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah pada penzahirannya bersikap *wasatiyyah*, iaitu adil-beradab, dalam berdepan dengan pelbagai pegangan dan kecenderungan melampau.
2. Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah pada penzahirannya mewarisi sejarah dan khazanah ilmu yang ditinggalkan oleh generasi Salaf dan Khalaf.
3. Manhaj akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dirumuskan dalam tiga mazhab utama iaitu Asha'irah, Maturidiyyah dan Hanabilah atau Ahl al-Hadith.<sup>27</sup>

Penyenaraian prinsip-prinsip yang telah disepakati oleh ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini, begitu juga ciri-cirinya, adalah bertujuan untuk mengenali dan menolak segala bentuk kesesatan dan bidaah yang dilakukan oleh aliran-aliran yang terkeluar daripada kelompok Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>28</sup> Malah antara tujuan lain prinsip-prinsip ini diketengahkan oleh

---

<sup>26</sup> al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. T.th. *Al-Farqu Baina al-Firaq*. Tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Qahirah: Dar al-Tala'i'. Hlm. 241-266.

<sup>27</sup> Mohd Zaidi Ismail. 7 Disember 2015. *Tiga ciri Ahli Sunnah wal Jamaah*. Dlm. <http://www.utusan.com.my/rencana/tiga-ciri-ahli-sunnah-wal-jamaah-1.166371>

<sup>28</sup> Lihat juga Azmil Zainal Abidin. 2017. *Keautoritian Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Induk dan Benteng Akidah Ummah*. AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (Vol. 19). Hlm.1-46.

Abu Hanifah dan al-Baghdadi adalah untuk menetapkan satu garis panduan kepada umat Islam supaya mereka dapat memahami usul akidah yang seharusnya menjadi pegangan kepada setiap umat Islam. Perkara ini penting untuk diberikan perhatian memandangkan akidah merupakan tunjang paling utama dalam agama Islam.

## **KEDUDUKAN ASHA'IRAH DALAM AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH**

Dalam perbincangan mengenai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, di antara persoalan utama perlu diperjelaskan ialah mengenai aliran atau al-Jama'ah manakah yang termasuk dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Perkara ini perlu diketengahkan sebagai membezakan antara kelompok Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan aliran-aliran bidaah lain. Topik ini juga bermaksud menjelaskan definisi khusus bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai pelengkap kepada definisi umum. Justeru, terdapat beberapa riwayat dalam menjelaskan siapakah al-Jama'ah tersebut, antaranya sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Sesungguhnya telah berpecah Ahli Kitab sebelum kamu kepada 72 golongan. Umat ini (umat Islam) akan berpecah kepada 73 golongan. 72 golongan dimasukkan ke neraka dan satu golongan sahaja dimasukkan ke syurga iaitu al-Jama'ah.*<sup>29</sup>

Merujuk kepada hadis di atas, al-Baghdadi menyatakan bahawa golongan ke-73 itu ialah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang terdiri daripada Ahl al-Ra'yi, Ahl al-Hadith yang bukan mempermain-mainkan hadis, ulama fikah, penghafal al-Quran, periwayat hadis dan Ahl al-Kalam<sup>30</sup> daripada kalangan Ahl al-Hadith. Termasuk juga di dalam golongan ini ialah pengikut-pengikut Abu Hanifah (m. 150H), Malik (m. 179H), Imam al-Shafi'i, (m. 204H) al-Awza'i (m. 157H), al-Thawri (m. 187H) dan Ahl al-Zahir.<sup>31</sup> Kemudian al-Baghdadi menjelaskan mengenai golongan al-Jama'ah yang termasuk dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kepada lapan golongan sebagaimana berikut:

1. Mereka merupakan golongan yang memiliki ilmu dalam perkara berkaitan dengan ketauhidan Allah SWT, kenabian, hukum-hakam, janji

<sup>29</sup> Abi Daud, Sulayman bin al-Ash'ath. 1998. Sunan Abi Daud. Tahqiq: Muhammad 'Awwamah. Bayrut: Muassasah al-Riyad. No. Hadis: 4587. Jld. 5. Hlm. 182.

<sup>30</sup> Istilah Ahl al-Kalam di sini adalah merujuk kepada golongan Asha'irah dan Maturidiyyah.

<sup>31</sup> al-Baghdadi. T.th. *op.cit.* Hlm. 27-28.

baik dan janji buruk, dosa dan pahala, syarat-syarat ijtihad, keimaman, kepemimpinan dan mereka ini mengikuti jalan golongan Sifatyyah dari kalangan Mutakallimin yang bersih daripada fahaman tashbih dan ta'til serta bersih dari bidaah golongan Rafidah, Khawarij, Jahmiyyah, Najjariyyah dan semua ahli hawa nafsu dan sesat.

2. Mereka merupakan imam-imam fikah sama ada dari kalangan Ahl al-Ra'yi dan Ahl al-Hadith yang mempunyai akidah Usul al-Din seperti mazhab Sifatyyah mengenai Allah SWT dan sifat-sifat azali-Nya. Mereka bersih daripada fahaman Qadariyyah dan Mu'tazilah dan menetapkan bahawa Allah SWT boleh dilihat di akhirat kelak dengan mata dan bukan secara tashbih dan ta'til. Mereka mengakui adanya perhimpunan Mahsyar setelah manusia dibangunkan dari kubur, soalan di dalam kubur, kolam di Mahsyar, titian sirat, syafaat dan keampunan dosa selain dosa syirik. Mereka juga menetapkan berkekalan nikmat di syurga kepada penghuni-penghuninya dan berkekalan azab di neraka kepada orang-orang kafir.

Mereka mengiktiraf khalifah Abu Bakar RA, 'Umar RA, 'Uthman RA dan 'Ali RA. Mereka menyanjung pujian kepada Salaf al-Saleh dalam kalangan umat ini. Mereka juga berpegang bahawa wajib solat Jumaat di belakang imam-imam yang melepaskan diri daripada golongan hawa nafsu yang sesat, wajib mengeluarkan hukum-hakam fikah daripada al-Quran dan *ijma'* para sahabat, harus menyapu dua khuf, berlakunya talak tiga, haram perkahwinan secara mut'ah dan wajib taat pemerintah kecuali di dalam perkara kemaksiatan. Termasuk di dalam kumpulan ini ialah pengikut-pengikut Malik, al-Shafi'i, al-Awza'i, al-Thawri, Abu Hanifah, Abi Laila, Abi Thur, Ahmad bin Hanbal, Ahl al-Zahir dan semua ahli fikah yang mempunyai akidah berkaitan prinsip akal atau usul Sifatyyah dan tidak mencampurkan hukum-hakam fikah mereka daripada bidaah ahli hawa nafsu yang sesat.

3. Mereka merupakan golongan yang mempunyai ilmu pengetahuan mengenai jalan-jalan khabar, sunnah dan peninggalan Nabi SAW. Mereka mampu membezakan di antara yang sah dan tidak benar serta mengetahui sebab-sebab al-jarh dan al-ta'dil. Mereka tidak mencampurkan ilmu itu dengan bidaah ahli hawa nafsu yang sesat.
4. Mereka merupakan golongan yang memiliki ilmu berkaitan dengan Adab, Nahu dan Saraf. Mereka ini adalah tokoh-tokoh bahasa Arab seperti

al-Khalil, Abi 'Amru bin al-'Ala', Sibawaih, al-Farra', al-Akhfash, al-Asma'i, al-Mazini, Abi 'Ubaid dan seluruh imam-imam Nahu sama ada dari aliran Kufah atau Basrah yang tidak mencampurkan ilmu mereka dengan sesuatu dari bidaah Qadariyyah, Rafidah atau Khawarij. Sesiapa yang cenderung ke arah hawa nafsu yang menyesatkan, maka mereka bukan dari golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan kata-kata mereka di dalam bahasa Arab dan Nahu tidak boleh dijadikan hujah.

5. Mereka merupakan golongan yang menguasai ilmu pengetahuan berkaitan dengan cara-cara bacaan al-Quran dan jenis-jenis tafsiran serta takwilan al-Quran berdasarkan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah tanpa berpegang dengan takwilan ahli hawa nafsu yang sesat.
6. Mereka merupakan golongan ahli Tasawuf yang zuhud iaitu mampu melihat dengan mata hati lalu mereka menahan diri, mereka diuji lalu mereka mengambil pengajaran, mereka redha dengan takdir serta memadai kehidupan yang diperolehi, mereka mengetahui bahawa penglihatan, pendengaran dan hati dipertanggungjawabkan terhadap kebaikan dan kejahatan, mereka menghitungnya walaupun sebesar zarah. Mereka menyediakan diri mereka dengan sebaik-baik persediaan untuk hari kiamat. Perkataan mereka berjalan di atas jalan ibarat dan isyarat mengikut jalan ahli hadis tanpa mereka mengikut pandangan ahli hadis yang menyimpang. Mereka tidak melakukan kebaikan kerana riak, tidak pula meninggalkan kebaikan kerana malu. Agama mereka hanyalah tauhid dan menafikan tashbih, mazhab mereka ialah tafwid kepada Allah SWT, bertawakkal kepada-Nya, pasrah kepada urusan-Nya, memadai dengan apa yang direzekikan-Nya dan berpaling daripada membantah-bantah kepada-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud: Demikianlah kurniaan Allah yang diberikanNya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah mempunyai kurniaan yang besar.<sup>32</sup>
7. Mereka merupakan golongan yang terikat dalam barisan orang-orang Islam untuk berperang dengan orang-orang kafir, berjihad melawan musuh-musuh Islam, melindungi maruah umat Islam, mempertahankan keluarga dan negara mereka, maka akan terzahirlah pada barisan mereka mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Mereka inilah golongan yang

<sup>32</sup> Surah al-Hadid (57): Ayat 21.

menepati firman Allah SWT yang bermaksud: Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, sesungguhnya akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami dan sesungguhnya Allah benar-benar bersama dengan orang-orang yang berbuat baik.<sup>33</sup>

8. Mereka merupakan golongan yang tinggal di negeri-negeri yang berada di bawah taklukan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan bukan di negeri-negeri yang terdapat ahli hawa nafsu yang sesat. Dimaksudkan dengan golongan ini ialah masyarakat awam yang mempunyai iktikad menepati ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di dalam perkara yang berkaitan dengan keadilan dan ketauhidan serta janji baik dan janji buruk. Mereka merujuk kepada ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di dalam hal-hal yang menyentuh tentang keagamaan, mengikut ulama pada masalah cabang halal dan haram serta tiada perkara bidaah daripada ahli hawa nafsu yang sesat. Mereka ini dinamakan oleh ahli Tasawuf sebagai pengisi syurga (*hushu al-jannah*).<sup>34</sup>

Menurut Ibn al-Athir, al-Jama'ah dimaksudkan adalah kelompok manusia terbesar (majoriti) yang terdiri daripada umat Islam yang bersepakat untuk mengikut jalan lurus dan mentaati pemerintah mereka.<sup>35</sup> Termasuk dalam istilah al-Jama'ah juga ialah kumpulan besar umat Islam yang bersepakat untuk mengikut jalan para sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* yang diambil daripada sunnah Rasulullah SAW.<sup>36</sup> Manakala al-Shatibi telah mengumpulkan pelbagai pandangan dan huraian tentang maksud al-Jama'ah sepertimana berikut: Pertama, mereka adalah majoriti umat Islam (*al-Sawad al-A'zam*). Kedua, mereka adalah sekumpulan ulama mujtahid. Ketiga, mereka adalah para sahabat. Keempat, mereka adalah jama'ah (golongan) umat Islam. Kelima, mereka adalah umat Islam yang berada di bawah pemerintah Islam.<sup>37</sup>

Justeru, perkataan al-Jama'ah dapat disimpulkan sebagai kumpulan terbesar umat Islam yang bersepakat mengikut jalan kebenaran daripada ajaran Rasulullah SAW merangkumi al-Quran dan hadis. Pengertian al-Jama'ah ini

<sup>33</sup> Surah al-'Ankabut (29): Ayat 69.

<sup>34</sup> al-Baghdadi. T.th. *op.cit.* Hlm. 234-237.

<sup>35</sup> Ibn al-Athir, *Majad al-Din Abi al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari*. 1963. *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Tahqiq: Mahmud Muhammad al-Tanahi dan Tahir Ahmad al-Zawi. T.t.p: al-Maktabah al-Islamiyyah. Jld. 2. Hlm. 419.

<sup>36</sup> Abdul Shukor. 1998. *op.cit.* Hlm. 16.

<sup>37</sup> al-Shatibi, Abi Ishaq Ibrahim bin Musa. T.th. *Al-I'tisam*. Tahqiq: Abu 'Ubaydah Mashhur bin Hasan Ala Sulayman. T.t.p: Maktabah al-Tawhid. Jld. 3. Hlm. 300-312.

bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak akan mempersepakatkan umatku di atas kesesatan. Tangan Allah<sup>38</sup> bersama al-Jama'ah dan sesiapa yang menyendiri, dia akan menyendiri di dalam neraka.<sup>39</sup> Dalam hal ini, kajian The Royal Islamic Strategic Studies Centre menunjukkan bahawa Asha'irah dan Maturidiyyah merupakan aliran majoriti umat Islam dengan 90 peratus daripada keseluruhan umat Islam di dunia adalah pengikut aliran Ahl al-Kalam ini.<sup>40</sup>

Hasil kajian ini turut dipersetujui oleh al-Qaradawi iaitu ketika mana beliau mempertahankan Universiti al-Azhar yang berpegang dengan akidah Asha'irah daripada tohmahan Salafiyyah Wahabiyyah, beliau menyatakan bahawa Asha'irah merupakan pegangan majoriti umat Islam di seluruh dunia semenjak dahulu hingga kini.<sup>41</sup> Jika kajian dan kenyataan ini dijadikan ukuran, maka benarlah kenyataan al-Zabidi yang berpendapat bahawa apabila istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah digunakan secara mutlak, ia merujuk kepada aliran Asha'irah dan Maturidiyyah.<sup>42</sup> Malah al-Shak'ah berpendirian bahawa Asha'irah adalah aliran yang pertama sekali yang dinamakan sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam sejarah Islam.<sup>43</sup>

Manakala 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dan al-Subki pula menyatakan bahawa para pengikut Malik (mazhab Maliki), al-Shafi'i (mazhab Shafie), Ahmad ibn Hanbal (mazhab Hanbali) dan sebahagiannya pengikut Abu Hanifah (mazhab Hanafi) adalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang berpegang dengan aliran Asha'irah.<sup>44</sup> Sedangkan al-Saffarini dan Ahmad Mahmud Subhi

<sup>38</sup> Ungkapan yad Allah ( secara bahasanya bermaksud tangan Allah) ini adalah lafaz berbentuk majazi yang termasuk dalam nas sifat mutashabihat; Ia tidak boleh difahami secara haqiqah kerana boleh membawa kepada fahaman tashbih dan tajsim. Lihat Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Shahrizal Nasir dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2014. Implikasi Penafian Majaz al-Quran Terhadap Nas-Nas Sifat Mutashabihat. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari (Bil. 8). Hlm.136-152.

<sup>39</sup> al-Tirmidhi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa. 1998. Al-Jami' al-Kabir. Tahqiq: Basyar Anwar Ma'ruf. Bayrut: Dar al-Gharab al-Islami. No. Hadis: 2167. Jld. 4. Hlm. 40.

<sup>40</sup> The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2010. The 500 Most Influential Muslims In The World 2010. USA: Georgetown University. Hlm. 17; The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2011. The 500 Most Influential Muslims In The World 2011. USA: Georgetown University. Hlm. 16.

<sup>41</sup> al-Qaradawi, Yusuf. *La Fatwa Lishaltut bi al-Ta'bud 'Ala al-Ja'fary*. Dlm. <http://www.qaradawi.net/news/537.html>

<sup>42</sup> al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad bin Muhammad al-Husaini. 1989. It'haf al-Sadah al-Muttaqin. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 2. Hlm. 8.

<sup>43</sup> al-Shak'ah, Mustafa Muhammad. 2006. *Islam Bila Madhahib*. Qahirah: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah. Hlm. 489.

<sup>44</sup> al-Subki, Taqi al-Din Abi Nasr 'Abd al-Wahab ibn 'Ali ibn 'Abd al-Kafi. 1964. *Tabaqat al-Shafi'iyyah* al-Kubra. Tahqiq: Mahmud Muhammad al-Tanahi dan 'Abd al-Fatah al-Hilw. T.tp: Dar Ihya' al-Kitab al-'Arabiyyah. Jld. 3. Hlm. 366.



membahagikan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kepada tiga golongan iaitu Athariyyah yang diketuai oleh Ahmad bin Hanbal, Asha'irah yang diketuai oleh al-Ash'ari dan Maturidiyyah diketuai oleh al-Maturidi.<sup>45</sup> Al-Zabidi pula membahagikan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kepada tiga golongan iaitu Ahl al-Hadith, Ahl al-Nazar al-'Aqli (Asha'irah dan Maturidiyyah) dan Ahl al-Wujdan wa al-Kashf.<sup>46</sup> Semua penjelasan di atas membuktikan bahawa Asha'irah adalah golongan majoriti dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Berdasarkan perbincangan di atas, definisi khusus bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah merujuk kepada mereka yang berpegang dengan aliran Asha'irah dan Maturidiyyah dalam aspek akidah. Definisi ini selari dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai sebuah istilah teknikal yang digunakan dalam Ilmu *Kalam* yang dikaitkan dengan aliran Asha'irah dan Maturidiyyah secara khusus.<sup>47</sup> Disebabkan itu, istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan Asha'irah sering digunakan secara bertukar-ganti dengan maksud atau tujuan yang sama. Malah penggunaan nama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah juga lebih sinonim digunakan dalam aspek akidah, walaupun istilah ini telah diluaskan penggunaannya dalam aspek fikah dan tasawuf. Maka mengeluarkan Asha'irah dari mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah merupakan suatu perbuatan yang melampau dan tidak bersandarkan hujah yang kukuh.

Selain daripada aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai golongan ke-73, sebagaimana yang disebutkan oleh al-Baghdadi, 72 golongan lagi adalah ahli bidaah yang tidak termasuk dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Secara umumnya 72 golongan dimaksudkan oleh A'lawiy ialah; Mu'tazilah berpecah menjadi 20 kumpulan, Shi'ah berpecah menjadi 22 kumpulan, Khawarij berpecah menjadi 20 kumpulan, Murji'ah berpecah menjadi lima kumpulan, Najjariyyah berpecah menjadi tiga kumpulan, Jabariyyah hanya satu kumpulan dan Mushabbihah atau Mujassimah hanya satu kumpulan.<sup>48</sup> Walau bagaimanapun, perbincangan tentang pecahan aliran-aliran ini terdedah kepada wacana yang lebih luas memandangkan di sepanjang masa

---

<sup>45</sup> al-Saffarini, Muhammad bin Ahmad bin Salim. 2008. *Lawami' al-Anwar al-Bahiyah*. Tahqiq: Abu 'Abd al-Rahman 'Adl bin Sa'id. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 1. Hlm. 67; Ahmad Mahmud Subhi. 1985. *Fi 'Ilm al-Kalam: Al-Asha'irah*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah. Jld. 2. Hlm. 32.

<sup>46</sup> al-Zabidi. 1989. *op.cit.* Jld. 2. Hlm. 9.

<sup>47</sup> Jalal Muhammad Musa. 1982. *op.cit.* Hlm 15; al-Mahdali. T.th. *op.cit.* Hlm. 9.

<sup>48</sup> A'lawiy, al-Sayyid 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husin bin 'Umar. 1978. *Bughyah al-Mustarshidin*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah. Hlm. 297.

sering ada aliran-aliran baru yang menyeleweng dari landasan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

## BIOGRAFI DAN KETOKOHAN AL-ASH'ARI SEBAGAI PENGASAS ASHA'IRAH

Nama al-Ash'ari pada hakikatnya tidak perlu diperkenalkan lagi kepada umat Islam, memandangkan beliau merupakan seorang tokoh ulama terbesar dalam sejarah mazhab akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Dalam hal ini, al-Ash'ari bukan sahaja dikenali oleh umat Islam, bahkan beliau juga dikenali oleh orang bukan Islam khususnya pihak orientalis yang sering membuat penyelidikan berkenaan pemikiran umat Islam pada zaman silam. Oleh itu, penulis hanya akan menyentuh secara ringkas sahaja biografi al-Ash'ari yang sesuai dengan tujuan artikel ini ditulis, memandangkan sudah ramai sarjana Islam tempatan dan luar negara yang turut menulis mengenai biografi al-Ash'ari.

Kemunculan aliran Asha'irah yang dipimpin oleh al-Ash'ari dikatakan bermula pada akhir kurun ketiga Hijrah, ketika Mu'tazilah berkuasa dan Ghulat al-Hanabilah berleluasa. Nama penuh al-Ash'ari ialah 'Ali ibn Isma'il ibn Ishaq ibn Salim ibn Isma'il ibn 'Abd Allah ibn Musa ibn Bilal ibn Abi Burdah ibn Abi Musa al-Ash'ari.<sup>49</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 260 Hijrah (873 Masihi) di Basrah dan meninggal dunia pada tahun 330 Hijrah (941 Masihi) di Baghdad.<sup>50</sup> Pendapat lain menyatakan al-Ash'ari meninggal dunia pada tahun 320 Hijrah atau 324 Hijrah.<sup>51</sup> Gelaran nama al-Ash'ari pula merupakan nisbah daripada keturunan salah seorang sahabat Rasulullah SAW iaitu Abu Musa al-Ash'ari RA (m. 44H). Walau bagaimanapun, gelaran al-Ash'ari ini didapati merupakan nisbah kepada nama suku kaum Ash'ar dari Yaman (dahulu dikenali sebagai negara Saba). Abu Musa al-Ash'ari RA berasal dari kaum Ash'ar tersebut.<sup>52</sup> Dalam hal ini, terdapat beberapa buah hadis yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW memuji kelebihan orang Yaman ketika rombongan Abu Musa al-Ash'ari RA datang ke Madinah.

<sup>49</sup> Ibn 'Ashakir, Abi al-Qasim 'Ali bin al-Hasan bin Hibah Allah. 1347H. Tabyin Kadhib al-Muftari Fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash'ari. Damshiq: T.p. Hlm. 34.

<sup>50</sup> Ibid., 146-147; Abu Zahrah. 1996. *op.cit.* Hlm.163.

<sup>51</sup> Ibn 'Ashakir. 1347H. *op.cit.* Hlm. 147; al-Asnawi, 'Abd al-Rahim Jamal al-Din. 1987. *Tabaqat al-Shafi'iyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 1. Hlm. 47.

<sup>52</sup> allbn Hazm, Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id al-Andalusi. T.th. Jamharat Asnab al-'Arab. Tahqiq: 'Abd al-Salam Muhammad Harun. Qahirah: Dar al-Ma'arif. Jld. 2. Hlm. 397-398.

Antaranya sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Telah datang kepada kalian penduduk Yaman, mereka yang paling lembut hatinya dan paling halus jiwanya. Iman itu (pada orang) Yaman dan hikmah (ilmu) itu juga (pada orang) Yaman.<sup>53</sup>

Selain itu, Rasulullah SAW juga pernah menyatakan bahawa kaum yang mengikut Abu Musa al-Ash'ari RA adalah kaum yang selamat dan dicintai oleh Allah SWT. Ia dilihat sebagai antara petanda bahawa pegangan al-Ash'ari yang memimpin aliran Asha'irah adalah bertepatan dengan petunjuk al-Quran dan Hadis. Ini kerana, al-Ash'ari dilaporkan berpegang dengan pegangan yang sama dengan akidah Abu Musa al-Ash'ari RA setelah beliau kembali kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>54</sup> Hadis tersebut melaporkan bahawa, maksudnya: 'Iyad al-Ash'ari berkata: Ketika turunnya ayat (bermaksud: Allah akan mendatangkan satu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka mencintai-Nya (al-Ma'idah 5: 54)) maka sabda Rasulullah SAW: Mereka adalah kaum kamu wahai Abu Musa. Sambil itu Rasulullah SAW menunjukkan tangannya kepada Abi Musa al-Ash'ari.<sup>55</sup>

Ketika menafsir ayat al-Quran tersebut (al-Ma'idah 5: 54) dan menjelaskan pengertian hadis di atas, al-Qushairi menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan hadis itu adalah pengikut al-Ash'ari iaitu Asha'irah atau Ash'ariyyah<sup>56</sup> yang termasuk dalam pengertian kaum Abu Musa al-Ash'ari RA. Menurut al-Qushairi lagi, penisbahan ini adalah bertepatan dengan al-Quran kerana setiap penisbahan kaum yang didatangkan oleh al-Quran terhadap para rasul-Nya, maka yang dimaksudkan dengan penisbahan itu adalah pengikut para rasul tersebut.<sup>57</sup> Oleh itu, menisbahkan al-Ash'ari dan pengikut alirannya iaitu Asha'irah kepada kaum Abu Musa al-Ash'ari RA, sepertimana yang dinyatakan oleh hadis, mempunyai sandaran dan justifikasi yang kukuh.

---

<sup>53</sup> al-Bukhari, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim. 2005. Sahih al-Bukhari. Qahirah: Dar al-Fajr Lilturath. No. Hadis: 4388. Jld. 3. Hlm. 195.

<sup>54</sup> al-Sharastani, Abi al-Fath Muhammad 'Abd al-Karim bin Abi Bakar. 1993. *Al-Milal wa Nihal*. Tahqiq: Amir 'Ali Mahna dan 'Ali Hasan Fa'ur. Bayrut: Dar al-Ma'rifah. Jld. 1. Hlm. 106.

<sup>55</sup> al-Hakim, Muhammad bin 'Abd Allah bin 'Abd Allah. 1990. *Al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain*. Tahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. No. hadis: 3220. Jld. 2. Hlm. 342.

<sup>56</sup> Istilah Ash'ariyyah merujuk kepada aliran mazhab yang diasaskan oleh al-Ash'ari, manakala istilah Asha'irah pula merujuk kepada tokoh atau mereka yang mengikuti mazhab tersebut. Namun, kedua-dua istilah tersebut boleh digunakan secara berganti-ganti dengan membawa maksud yang sama. Lihat Ahmad Mahmud Subhi. 1985. *op.cit.* Jld. 1. Hlm. 7. Dalam dunia hari ini, penggunaan istilah Asha'irah adalah lebih meluas berbanding istilah Ash'ariyyah.

<sup>57</sup> al-Qurtubi, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar. 2006. *Al-Jami' al-Ahkam al-Quran*. Tahqiq: 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin al-Tarki. Bayrut: Muassasah al-Risalah. Jld. 8. Hlm. 52-53.

Sehubungan itu, kelahiran al-Ash'ari dari keturunan Abu Musa al-Ash'ari RA, dengan menjadi seorang ulama yang unggul dan berkaliber, seolah-olah telah diketahui sejak awal lagi oleh Rasulullah SAW. Perkara sebegini merupakan antara khususiyat atau kelebihan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW. Ia juga dilihat selari dengan sebuah hadis mawqif yang menyatakan bahawa, maksudnya: Keberkatan doa Rasulullah SAW kepada seseorang (turut sampai keberkatannya kepada) anak-anaknya, cucu-cucunya dan keturunannya.<sup>58</sup> Walau bagaimanapun, menurut Ahmad Mahmud Subhi, peristiwa terpenting yang menyebabkan al-Ash'ari bertindak keluar daripada Mu'tazilah adalah kerana berlaku perselisihan pendapat dengan gurunya al-Jubba'i mengenai perbuatan Allah SWT berdasarkan konsep al-salah wa al-aslah atau wujub al-aslah.<sup>59</sup>

Pada perdebatan tersebut, al-Jubba'i tidak mampu mempertahankan akidah Mu'tazilah daripada pertanyaan al-Ash'ari sehingga menimbulkan perasaan ragu-ragu dalam pemikiran al-Ash'ari mengenai kebenaran fahaman Mu'tazilah.<sup>60</sup> Walaupun begitu, menurut Ibn 'Asakir, terdapat dua faktor atau sebab lain yang turut mendorong al-Ash'ari bertindak keluar daripada Mu'tazilah iaitu:

1. Keraguan al-Ash'ari terhadap pegangan Mu'tazilah yang terlalu melebihkan dan mendahulukan akal berbanding al-Quran dan Hadis. Hasil daripada keraguan dan kecelaruan pemikiran ini yang menyebabkan berlakunya perdebatan al-Ash'ari dengan gurunya al-Jubba'i.
2. Pada bulan Ramadan, al-Ash'ari telah bermimpi bertemu dengan Rasulullah SAW. Dalam mimpi tersebut, Rasulullah SAW meminta al-Ash'ari membela al-Quran dan Hadis daripada dipermain-mainkan oleh aliran bidaah terutamanya Mu'tazilah.<sup>61</sup>

Setelah meninggalkan Mu'tazilah, al-Ash'ari terus mempergiatkan aktiviti penyampaian dakwah akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan mengajar di masjid-masjid dan menghadiri majlis-majlis perdebatan Mu'tazilah, sehingga ada yang bertanya tujuannya masih menghadiri dan

<sup>58</sup> Ibn 'Ashakir. 1347H. *op.cit.* Hlm. 73.

<sup>59</sup> Ahmad Mahmud Subhi. 1985. *op.cit.* Jld. 2. Hlm. 46-47.

<sup>60</sup> Ibn 'Ashakir. 1347H. *op.cit.* Hlm. 39.

<sup>61</sup> *Ibid.* Hlm. 38-40.

bergaul dengan Mu'tazilah. Al-Ash'ari menjawab bahawa kebanyakan tokoh Mu'tazilah memegang jawatan tinggi dalam kerajaan, maka adalah mustahil untuk mereka datang kepadanya untuk berbincang. Menurut al-Ash'ari lagi, jika beliau tidak pergi kepada mereka, ini bermakna mereka tidak mengetahui kebenaran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>62</sup> Disebabkan itu, al-Ash'ari menghadiri majlis Mu'tazilah walaupun beliau tidak lagi berpegang dengan fahaman Mu'tazilah.

Sebagai tokoh besar dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, al-Ash'ari telah meninggalkan hasil penulisannya yang banyak iaitu sekitar 300 buah karya sepanjang beliau bersama dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>63</sup> Namun malangnya, hanya lima buah karya sahaja masyhur sampai kepada umat Islam hari ini iaitu; al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah, Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin, Risalah ila Ahl al-Thaghr, Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam dan al-Luma' fi al-Rad 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bid'a. Selain daripada lima karya ini, tidak diketahui secara terperinci bagaimanakah kandungan karya-karya beliau yang lain. Al-Ash'ari juga meninggalkan muridnya yang ramai bagi meneruskan usaha dan legasi keilmuan beliau dalam menyebarkan aliran Asha'irah ke seluruh dunia.<sup>64</sup>

Usaha berterusan dan bersungguh-sungguh al-Ash'ari menyebabkan pengaruh Mu'tazilah dan lain-lain aliran bidaah menjadi semakin lemah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kembali menguasai pemikiran umat Islam. Justeru, tidak mungkin al-Ash'ari dapat mengalahkan Mu'tazilah jika hujah mantik yang digunakannya itu lemah, memandangkan Mu'tazilah merupakan aliran yang menguasai logik akal. Malah al-Ash'ari juga berupaya mendepani kumpulan Hashawiyyah (Ghulat Hanabilah) yang terlalu literal dalam menafsirkan al-Quran dan Hadis serta menolak peranan akal.<sup>65</sup> Keupayaan luar biasa al-Ash'ari ini sekaligus membuktikan bahawa metodologi yang

---

<sup>62</sup> Ibid. Hlm. 68-69.

<sup>63</sup> Ibid. Hlm. 127; al-Zirikli, Khayr al-Din. 2002. *Al-A'lam: Qamus al-Tarajim*. Bayrut: Dar al-'Ilm Lilmaalayin. Jld. 4. Hlm. 263. Menurut al-Nawawi, al-Ash'ari diiktiraf antara ulama besar yang mempunyai penulisan yang terbanyak iaitu sekitar 300 buah karya. Lihat al-Nawawi, Muhyi al-Din Abi Zakariyya bin Shaf. 2006. *Bustan al-'Arifin*. Tahqiq: Muhammad al-Hajar. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah. Hlm. 402.

<sup>64</sup> Ibn 'Ashakir. 1347H. *op.cit.* Hlm. 177-195.

<sup>65</sup> Golongan Hashawiyyah (Ghulat al-Hanabilah) dilihat semakin melampau selepas kematian Ahmad bin Hanbal (m. 241H), terutamanya dalam berinteraksi dengan nas-nas sifat sifat mutashabihat sehingga membawa kepada tajsim atau tashbih. Mereka turut menolak dan mengecam al-Ash'ari. Lihat al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali. 2007. *Rijal al-Fikr wa al-Da'wah fi al-Islam*. Damshiq: Dar Ibn Kathir. Jld. 1. Hlm. 193.

digunakannya hasil kesepaduan antara dalil *naqli* dan *'aqli* adalah pendekatan yang terbaik.

Berdasarkan ketokohan dan sumbangan besar al-Ash'ari dalam mempertahankan akidah Islam, khususnya manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, al-Ash'ari telah diangkat sebagai salah seorang mujaddid pada kurun ketiga Hijrah.<sup>66</sup> Al-Ash'ari juga diiktiraf sebagai tokoh dalam bidang hadis.<sup>67</sup> Disebabkan itu, al-Ash'ari telah diberikan dengan pelbagai gelaran sanjungan seperti Imam Ahl al-Sunnah, Imam Mutakallimin, penolong sunnah, penegak agama dan sebagainya lagi.<sup>68</sup> Pengiktirafan daripada para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini jelas membuktikan bahawa al-Ash'ari mendapat kedudukan yang tinggi dan istimewa dalam kalangan umat Islam, sekaligus dianggap sebagai pemimpin utama dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Hal ini menyebabkan ramai ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, yang tidak terhitung jumlahnya, berpegang dengan aliran Asha'irah. Antara mereka yang terkenal adalah seperti al-Baqillani, al-Qurtubi, al-Bayhaqi, al-Baghdadi, al-Juwayni, al-Ghazali, al-Shahrastani, al-Razi, al-Iji, al-Jurjani, al-'Asqalani, al-Nawawi, al-Subki, al-Suyuti, al-Sanusi<sup>69</sup> dan lain-lain lagi. Mereka ini terdiri dari kalangan ulama dalam pelbagai bidang keilmuan.<sup>70</sup> Hasil kesungguhan para ulama tersebut, aliran Asha'irah terus berkembang pesat di seluruh dunia sehingga ke hari ini. Sumbangan mereka dalam mempertahankan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah merupakan bukti kepercayaan mereka terhadap metodologi akidah yang dikemukakan oleh al-Ash'ari.

## METODOLOGI PENDALILAN AKIDAH ASHA'IRAH

Perbincangan mengenai metodologi pendalilan akidah Asha'irah dalam tulisan ini hanya menfokuskan kepada lima buah karya al-Ash'ari yang masyhur

<sup>66</sup> Dalam hal ini, al-Suyuti telah menyusun sebuah arjuzah yang bertajuk Tuhfah al-Muhtadin bi Akhbar al-Mujadidin bagi menyenaraikan nama-nama mujaddid setiap kurun. Lihat al-Suyuti, Jalal al-Din. 1410H. *Al-Tanbi'at bi man Yab'athuh Allah 'ala Ra'si Kulli Ma'ah*. Tahqiq: 'Abd al-Hamid Shanuhah. Makkah: Dar al-Thaqah. Hlm. 29-30.

<sup>67</sup> Ibn 'Ashakir. 1347H. *op.cit.* Hlm. 113.

<sup>68</sup> al-Subki. 1964. *op.cit.* Jld. 3. Hlm. 336.

<sup>69</sup> Al-Sanusi terkenal sebagai penyusun Sifat 20 yang digunakan dalam pengajian akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sehingga hari ini.

<sup>70</sup> al-Sinan, Hamad dan al-'Anjari, Fawzi. 2006. *Ahl al-Sunnah al-Asha'irah*. Kuwayt: Dar al-Diya'. Hlm. 248-268.

sampai kepada umat Islam menurut huraian tokoh-tokoh ulama Asha'irah. Maka ungkapan al-Ash'ari dalam karyanya, terutamanya setelah beliau mengisytiharkan diri keluar dari Mu'tazilah, akan dianalisis dan dijadikan ukuran untuk menentukan metodologi pendalilan akidah Asha'irah.<sup>71</sup> Secara ringkasnya, pendalilan akidah Asha'irah yang dirangka oleh al-Ash'ari adalah bersandarkan kepada dalil *naqli* dan dalil *'aqli*. Dalil *naqli* merujuk kepada al-Quran dan Hadis, manakala dalil *'aqli* pula merujuk kepada hujah logik akal yang memberikan keyakinan.<sup>72</sup>

Pertama, dalil *naqli*. Al-Ash'ari mengemukakan pendirian beliau tentang dalil *naqli* dalam karyanya al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah dengan menyatakan bahawa pendirian beliau dalam persoalan akidah merupakan pandangan agama Islam yang berlandaskan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW serta apa-apa yang diriwayatkan oleh para sahabat, tabi'in dan imam-imam hadis. Al-Ash'ari turut menjadikan Ahmad bin Hanbal sebagai contoh ikutan dalam berhadapan dengan aliran pemikiran bidaah seperti Mu'tazilah, Qadariyyah, Jabariyyah, Shi'ah dan lain-lain.<sup>73</sup> Pada peringkat ini, al-Ash'ari didapati tidak cenderung menggunakan dalil *'aqli* dalam perbincangan akidah.

Kedua, dalil *'aqli*. Al-Ash'ari mengemukakan pendirian beliau tentang dalil *'aqli* dalam karyanya Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam dengan menyatakan bahawa terdapat segolongan manusia menjadikan kejahilan sebagai asas pemikiran sehingga mereka tidak berusaha untuk berfikir dan menganalisis persoalan agama. Mereka lebih cenderung kepada bertaklid lantas mengkritik sesiapa sahaja yang menggunakan pemikiran untuk berinteraksi dengan agama dan menganggap perbuatan itu adalah menyeleweng. Al-Ash'ari turut menjelaskan bahawa masalah agama hendaklah dikembalikan kepada dasar-dasar agama iaitu wahyu, manakala masalah akal dan deria hendaklah dikembalikan kepada sumber asalnya.<sup>74</sup>

---

<sup>71</sup> Abdul Shukor Husin. 1994. Asyaari dan Manhajnya. Dlm. Ibrahim Abu Bakar. "Spektrum Falsafah Islam". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 38.

<sup>72</sup> al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. T.th. *Al-Risalah al-Laduniyyah*. Dlm. Majmu'at Rasail al-Imam al-Ghazali. Tahqiq: Ibrahim Amin Muhammad. Qahirah: Al-Maktabah al-Taufiqiyyah. Hlm. 244.

<sup>73</sup> al-Ash'ari, Abi al-Hasan 'Ali bin Isma'il. 1977. *Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*. Tahqiq: Fawqiyah Husin Mahmud. Misr: Dar al-Ansar. Hlm. 20.

<sup>74</sup> al-Ash'ari, Abi al-Hasan 'Ali bin Isma'il. 1995. *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*. Tahqiq: Muhammad al-Waly al-Ash'ari al-Qadiri al-Rifa'i. Bayrut: Dar al-Mashari'. Hlm. 47-48.

Gabungan kedua-dua kenyataan di atas menunjukkan bahawa al-Ash'ari telah meletakkan dalil *naqli* sebagai asas paling utama dalam pembinaan akidah Islam, manakala dalil '*aqli* sebagai penyokong dan pelengkap kepada dalil *naqli*. Pada ungkapan pertama, al-Ash'ari didapati sangat menekankan pendekatan Salaf sehingga tidak memberikan kebebasan kepada akal, sebagaimana pegangan Ahmad bin Hanbal. Al-Ash'ari menetapkan apa-apa yang didatangkan oleh al-Quran dan Hadis berkenaan sifat-sifat Allah SWT, para rasul-Nya, hari akhirat, malaikat dan lain-lain tanpa sebarang pertikaian.<sup>75</sup> Hal ini dibuktikan dengan kecenderungan al-Ash'ari menggunakan metode tafwid Salaf pada sifat-sifat Allah SWT, iaitu tidak cenderung kepada metode takwil ketika berinteraksi dengan nas-nas sifat mutashabihat melalui karya beliau al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah.<sup>76</sup>

Pada ungkapan kedua, al-Ash'ari didapati bersikap lebih terbuka dengan memberikan sedikit peranan kepada akal dalam menghilangkan kejumudan pemikiran ketika berinteraksi dengan nas-nas al-Quran dan hadis. Penggunaan dalil '*aqli* menurut al-Ash'ari bertujuan mengukuhkan dalil *naqli* berasaskan hujah mantik dan bukti-bukti alam semesta sehingga membawa kepada keimanan kepada Allah SWT. Al-Ash'ari turut berpendapat bahawa kesepaduan antara dalil *naqli* dan '*aqli* akan lebih memudahkan umat Islam memahami akidah. Ia juga dapat menjadikan proses dakwah kepada masyarakat bukan Islam semakin bertambah menyakinkan. Namun al-Ash'ari bukanlah tokoh pertama dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang mengenengahkan peranan akal.

Terdapat tokoh lain seperti Ibn Kullab (m. 240H), al-Harith al-Muhasibi (m. 243H) dan lain-lain telah membicarakan terlebih dahulu tentang kepentingan menggunakan akal dalam kehidupan beragama manusia seharian.<sup>77</sup> Sebaliknya al-Ash'ari pula menggunakan peranan akal sebagai dalil '*aqli* dalam perbahasan akidah. Metodologi pendalilan al-Ash'ari tersebut dijadikan asas penting dalam aliran Asha'irah dan ia terus digunakan sehingga hari ini.<sup>78</sup> Menurut al-Zuhayli, penelitian mendapati bahawa terdapat

<sup>75</sup> Abu Zahrah. 1996. *op.cit.* Hlm. 166; al-Zuhayli, Muhammad. 2009. *Mausu'ah Qadaya Islamiyyah Mu'asarah*. Damsyiq: Dar al-Maktabi. Jld. 1. Hlm. 105.

<sup>76</sup> al-Ash'ari. 1977. *op.cit.* Hlm. 21.

<sup>77</sup> al-Sharastani. 1993. *op.cit.* Jld. 1. 105-106; Abdul Shukor. 1994. *op.cit.* Hlm. 39; al-Zuhayli. 2009. *op.cit.* Jld. 1. 106-107.

<sup>78</sup> Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Faizul Azmi. 2013. Kedudukan Akal Dalam Pendalilan Akidah. *Jurnal Teknologi: Sosial Sciences* (63: 1). Hlm. 31-39.



tiga faktor utama yang menyebabkan al-Ash'ari menerima akal sebagai salah satu dalil dalam persoalan akidah iaitu:

1. Al-Ash'ari pada asalnya berfahaman Mu'tazilah yang mengutamakan akal berbanding nas-nas al-Quran dan Hadis, maka sudah tentu beliau sangat pakar dalam penggunaan dalil '*aqli*. Beliau mendapati Mu'tazilah dan aliran-aliran lain sering menggunakan permainan akal untuk mendatangkan keraguan dan menyebarkan akidah menyeleweng kepada umat Islam.
2. Al-Ash'ari dan ulama Asha'irah antara kumpulan yang bersungguh-sungguh dalam mempertahankan dan menghadapi golongan bidaah serta ateis. Kebanyakan golongan tersebut tidak berminat dengan penghujahan dalil *naqli* semata-mata, bahkan mereka lebih cenderung kepada penjelasan dalil '*aqli*.
3. Al-Ash'ari bangun menentang penyelewengan melampau Mu'tazilah setelah beliau kembali kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Beliau terpaksa menggunakan semula pendekatan hujah akal Mu'tazilah, di samping mendatangkan dalil *naqli* sebagai mengukuhkan lagi dalil '*aqli* yang digunakan terhadap Mu'tazilah.<sup>79</sup>

Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa al-Ash'ari adalah tokoh pertama yang mempelopori dalil '*aqli* melalui aplikasi ilmu mantik dalam perbahasan akidah secara meluas bagi mempertahankan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>80</sup> Metodologi al-Ash'ari ini kemudiannya terus digunakan, dihuraikan dan disebarkan secara meluas oleh para ulama Asha'irah sehingga kini. Disebabkan itu, dalam perbahasan mabadi' al-'asharah bagi ilmu akidah, nama al-Ash'ari diletakkan sebagai salah seorang pengasas ilmu akidah, iaitu orang yang mula-mula menyusun ilmu akidah dengan kaedah sistematik berasaskan metodologi pendalilan *naqli* dan '*aqli*.<sup>81</sup>

Kebanyakan pendirian al-Ash'ari tentang peranan dalil '*aqli* ditemui dalam beberapa karya beliau seperti Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-

---

<sup>79</sup> al-Zuhayli. 2009. *op.cit.* Jld. 1. Hlm. 106.

<sup>80</sup> Al-Ash'ari diiktiraf oleh para ulama sebagai pengasas atau imam dalam Ilmu Kalam, sekaligus imam dalam ilmu mantik. al-Nadwi. 2007. *op.cit.* Jld. 1. Hlm. 190.

<sup>81</sup> al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad. 2001. *Tuhfah al-Murid 'ala Jawharah al-Tawhid*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hlm. 18.

Kalam dan al-Luma' fi al-Rad 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bid'a. Sebagai contoh, menerusi al-Luma' fi al-Rad 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bid'a, al-Ash'ari tidak lagi membincangkan nas-nas sifat mutashabihat berdasarkan metode Salaf secara meluas, malah beliau hanya memberikan penekanan terhadap kepincangan fahaman Mushabbihah atau Mujassimah yang memahami lafaz nas-nas sifat mutashabihat secara literal sehingga menyamakan atau menjisimkan Allah SWT dengan makhluk-Nya.<sup>82</sup> Al-Ash'ari lebih menfokuskan penggunaan hujah akal dalam mempertahankan al-Quran dan Hadis, tidak seperti karya-karya sebelum ini yang didapati tidak memberi peranan kepada dalil 'aqli. Keadaan tersebut berbeza dengan metode yang digunakan oleh beliau sebelum ini yang tidak cenderung menjadikan Ilmu Kalam sebagai hujah pendalilan dalam perbahasan akidah.<sup>83</sup>

Selain itu, al-Ash'ari diriwayatkan telah melakukan takwilan terhadap lafaz yad dengan maksud berkuasa dalam karya al-Luma'.<sup>84</sup> Takwilan ini dikuatkan lagi dengan pendirian sebilangan ulama Salaf seperti Ibn 'Abbas RA (m. 68H) yang turut mentakwilkan yad dengan maksud kekuatan dan kekuasaan Allah SWT.<sup>85</sup> Hakikatnya, takwilan yang dikemukakan oleh al-Ash'ari dan kebanyakan ulama Khalaf adalah bersesuaian dengan tuntutan dan keperluan zaman kini disebabkan kemunculan pelbagai aliran pemikiran, perdebatan ilmiah serta perkembangan ilmu Balaghah bahasa Arab yang semakin rumit berbanding zaman Salaf.<sup>86</sup> Namun harus ditegaskan bahawa takwilan al-Ash'ari tersebut adalah berbeza sama sekali dengan metod takwil Mu'tazilah atau Mu'atilah yang bermaksud mengingkari dan menafikan sifat bagi Allah SWT dengan cara mentakwilkan kepada perkara tidak selayaknya.<sup>87</sup>

<sup>82</sup> al-Ash'ari, Abi al-Hasan 'Ali bin Isma'il. 1955. *Al-Luma' fi al-Rad 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bid'a*. Tahqiq: Hamudah Gharabah. Misr: Matbu'ah Misriyyah. Hlm. 19-24.

<sup>83</sup> Ibid. Hlm. 5; al-Shayrazi, Abi Ishaq. 1999. *Al-Isharah ila Mazhab Ahl al-Haq*. Tahqiq: Muhammad al-Sayyid al-Jalayand. Qahirah: Al-Majlis al-A'la Lilshu'un al-Islamiyyah. Hlm. 69.

<sup>84</sup> al-Razi, Fakh al-Din Muhammad bin 'Umar. 1981. *Al-Tafsir al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Fikr. Jld. 12. Hlm. 46; al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. T.th. Itqan fi 'Ulum al-Quran. Tahqiq: Markaz al-Dirasat al-Quraniyyah. Madinah Munawwarah: Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah. Jld.. 4. Hlm. 1364; Abu Zahrah. 1996. *op.cit.* Hlm. 170.

<sup>85</sup> al-Qurtubi. 2006. *op.cit.* Jld. 19. Hlm. 503. Rujuk juga artikel penulis yang telah menyenaraikan takwilan Salaf terhadap nas-nas sifat mutashabihat dalam: Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2012. Takwilan Nas-Nas Sifat Mutashabihat Dalam Kalangan Salaf. *Global Journal al-Thaqafah* (Volume 2 Issue 2). Hlm. 77-85.

<sup>86</sup> al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2009. *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyat*. Damshiq: Dar al-Fikr. Hlm. 141.

<sup>87</sup> al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2007. *Al-Salafiyah: Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Madhhab Islami*. Damshiq: Dar al-Fikr. Hlm. 137

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa al-Ash'ari telah membentuk metodologi pendalilan tersendiri dalam persoalan akidah,<sup>88</sup> iaitu tidak terlalu literal dalam memahami dalil *naqli* sepertimana Mushabbihah atau Mujassimah dan Hashawiyyah, tidak juga terlalu bebas menggunakan akal sepertimana Mu'tazilah. Malah al-Ash'ari dalam hal tersebut akan mengutamakan dalil *naqli* daripada akal kerana al-Quran dan hadis merupakan sumber paling berwibawa dan muktamad berbanding dalil '*aqli*.<sup>89</sup> Ini kerana kemampuan akal adalah terbatas untuk mengetahui perkara berkaitan hakikat zat Allah SWT disebabkan Allah SWT tidak menyerupai atau menyamai makhluk ciptaan-Nya. Maka itu Islam melarang umatnya daripada berfikir secara berlebih-lebihan tentang hakikat zat Allah SWT kerana walaupun sepintar dan sehebat mana sekalipun seseorang itu, mereka sama sekali tidak berkemampuan untuk menyingkap keagungan dan kebesaran zat Allah SWT.<sup>90</sup>

## KEDUDUKAN AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH DI MALAYSIA

Pemerintahan dan pentadbiran di Malaysia berjalan di atas Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi bagi negara Malaysia. Melalui Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Persekutuan, Islam diiktiraf sebagai agama bagi Persekutuan.<sup>91</sup> Oleh itu, agama Islam di Malaysia mempunyai kedudukan yang istimewa, di samping penganut agama lain diberikan kebebasan mengamalkan agama masing-masing. Yang Di pertuan Agong serta Sultan atau Raja bertanggungjawab dalam segala hal ehwal berkaitan dengan agama Islam.<sup>92</sup> Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan tidak memberikan

<sup>88</sup> Antara dakwaan Wahabi (Salafi) ialah al-Ash'ari telah melalui tiga peringkat pemikiran, dengan menyatakan pemikiran terakhirnya kembali kepada akidah Salaf sebagaimana pegangan Wahabi (Salafi). Rujuk penjelasan penulis mengenai penolakan dakwaan ini dalam: Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2013. Peringkat Pemikiran Imam al-Ash'ari Dalam Akidah. International Journal of Islamic Thought (Volume 3). Hlm. 58-70.

<sup>89</sup> al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1994. *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Tahqiq: Muwaffaq Fauzi al-Jabr. Damshiq: al-Hikmah. Hlm. 21; Abdul Shukor. 1994. *op.cit.* Hlm. 40.

<sup>90</sup> al-Hindi, 'Ali al-Din Muttaqi bin Hisham al-Din. 1989. *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'al*. Bayrut: Muassasah al-Risalah. No. Hadis: 5704. Jld. 3. Hlm. 106.

<sup>91</sup> Peruntukan ini menunjukkan bahawa negara Malaysia mempunyai agama, iaitu Islam. Dalam kata lain, Islam adalah agama negara Malaysia. Lihat Mahamad Naser Disa. 2015. *Daulatkan Islam Agama Negara*. Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM). Hlm. 4-7; Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication. Hlm. 12.

<sup>92</sup> Kerajaan Malaysia. 2010. *Perlembagaan Persekutuan*. Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. Hlm. 20.

penafsiran tentang Islam dalam Perkara 3(1) tersebut. Maka pentafsiran Islam itu dapat ditentukan dengan meneliti peruntukan Enakmen Syariah di negeri-negeri atau melihat keputusan mahkamah di Malaysia terhadap sesuatu kes berkaitan dengan agama Islam.

Menurut Mohammed Imam, definisi Islam dalam Perlembagaan Persekutuan di Malaysia ialah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>93</sup> Ini bererti Islam yang dimaksudkan oleh Perlembagaan Persekutuan adalah Islam berasaskan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sahaja. Kenyataan ini berpandukan kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam beberapa negeri di Malaysia yang memasukkan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai mazhab rasmi negeri. Antara negeri tersebut ialah Kedah, Kelantan, Johor dan Perlis. Negeri-negeri ini telah mengistiharkan agama Islam bermazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai agama negeri, malah Duli Yang Teramat Mulia Sultan juga mesti bermazhab tersebut.<sup>94</sup> Dalam Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan contohnya, menyatakan bahawa: Ahlu's Sunnah wal Jamaah maknanya ialah mazhab Abu Al-Hassan Al-Asha'ri dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya.<sup>95</sup>

Manakala bagi Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, Melaka dan Terengganu hanya menyatakan agama Islam adalah agama negeri tanpa menyebut mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Walaupun begitu, fatwa dan amalan yang digunapakai di negeri-negeri tersebut adalah terikat dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Negeri Perak pula meletakkan Islam bermazhab Shafi'i sebagai mazhab negeri (Seksyen 39).<sup>96</sup> Mazhab Shafi'i juga adalah salah satu mazhab dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Terkini, negeri Johor turut menambah baik Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dengan memasukkan Islam yang menjadi pegangan atau mazhab rasmi di negeri Johor adalah berasaskan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah aliran al-Ash'ari

<sup>93</sup> Mohammed Imam. 1994 (Jun). *Freedom of Religion Under Federal Constitution of Malaysia - A Reappraisal*. Current Law Journal 2 (CLJ2). Hlm. 1vii.

<sup>94</sup> Ezad Azraai Jasmari dll. 2011 (15). *Penetapan Mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah Sebagai Definisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat. Hlm. 32.

<sup>95</sup> Kerajaan Negeri Kelantan. 2008. *Undang-Undang Negeri Kelantan dan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*. Hlm. 59.

<sup>96</sup> Ezad Azraai Jasmari dll. 2011. *op.cit.* Hlm. 32; M.B. Hooker. 1984. *Islamic in South-East Asia*. United Kingdom: Oxford University Press. Hlm. 165-167.

(Asha'irah) dan al-Maturidi (Maturidiyyah) dari aspek akidah, mazhab al-Shafi'i dari aspek fikah dan al-Junayd serta al-Ghazali dari aspek tasawuf.<sup>97</sup> Malah terdapat usaha berterusan dari negeri-negeri lain untuk memasukkan perkataan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sama ada secara umum atau khusus berdasarkan mazhab Asha'irah dan Shafi'i sebagaimana negeri Johor.

Selain itu, pengiktirafan terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah khususnya aliran Asha'irah di Malaysia sebagai satu pegangan rasmi umat Islam telah ditegaskan oleh kerajaan pusat melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pengiktirafan terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah merupakan satu langkah terbaik demi menjaga kemaslahatan umat Islam di Malaysia daripada ancaman akidah.<sup>98</sup> Oleh itu, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996, ketika membincangkan tentang Shi'ah di Malaysia, telah membuat beberapa ketetapan berkaitan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai mazhab yang diiktiraf sebagaimana berikut:

1. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
2. Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri-negeri bagi peruntukan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
3. Memperuntukan pindaan kepada semua Undang-undang dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum syarak atas undang-undang Islam seperti berikut: Hukum Syarak atau Undang-undang Islam bererti undang-undang Islam yang berasaskan kepada pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dari segi akidah, syariah dan akhlak.

---

<sup>97</sup> Warta Kerajaan Negeri Johor. 2 Feb 2017. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003: Pemberitahuan di Bawah Subseksyen 48(6)*. Hlm. 420.

<sup>98</sup> Mohd Aizam bin Mas'od. 2012. *Dasar-Dasar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Dalam Mempertahankan Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Akidah Peringkat Kebangsaan. 20 September 2012. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM. Hlm. 13.

4. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang selain daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah dilarang.
5. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang Islam hukum syarak yang berasaskan pegangan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sahaja.
6. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah diharamkan.<sup>99</sup>

Sebagai contoh kes, Mahkamah Sivil pernah menjalankan perbicaraan tentang mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang digunakan di Tanah Melayu bermula semenjak tahun 1918 Masihi. Ketika itu, hakim-hakim Inggeris sudah menyedari dan mengiktiraf mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang digunapakai di Tanah Melayu. Antarannya, Mahkamah Sivil menolak autoriti kes *Saeda binti Abubakar & Malek bin Haji Mohamed Yusup lwn Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamed Yusup & Usman bin Haji Mohamed Yusup dan kes Banoo Begum lwn Mir Abed Ali* memandangkan kes ini diputuskan mengikut mazhab Shi'ah. Mahkamah menyatakan bahawa kes ini boleh memberi kesan sekiranya pembuat wasiat adalah seorang yang bermazhab Shi'ah, tetapi tidak memberi kesan kepada seorang Melayu yang bermazhab Shafi'i yang merupakan sebahagian daripada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>100</sup>

Selain itu, Enakmen Pentadbiran Agama Islam di negeri-negeri di Malaysia telah mentafsirkan istilah 'Hukum Syarak' iaitu 'Undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf dalam Islam', seperti yang diperuntukan dalam seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993. Setiap negeri telah memasukkan peruntukan berkaitan dengan rujukan nas dan mazhab, apabila sesuatu keputusan fatwa

<sup>99</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hlm. 8-9.

<sup>100</sup> Ezad Azraai Jasmari dll. 2011. *op.cit.* Hlm. 34.

hendak dikeluarkan ataupun rujukan dalam mentadbir perundangan Islam. Bagaimanapun, peruntukan-peruntukan yang ada hanya berkaitan dengan hukum fikah iaitu merujuk kepada pendapat muktamad dalam mazhab Shafi'i. Sekiranya bercanggah dengan kepentingan awam, pandangan dalam mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali akan dirujuk. Sekiranya Mufti atau Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pendapat muktamad daripada empat mazhab itu, maka para Mufti bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijthihad tanpa terikat dengan pendapat muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat tersebut. Peruntukan ini terdapat dalam semua negeri, kecuali Perlis.<sup>101</sup>

Contohnya dalam kes ajaran sesat Ayah Pin, mahkamah menolak pendakwaan seorang pengikut Ayah Pin untuk mencabar keputusan institusi fatwa di Terengganu. Mahkamah menyatakan bahawa institusi agama Islam di Malaysia mempunyai kuasa untuk memelihara Islam daripada sebarang ajaran yang bercanggah dengan ajaran Islam sebagaimana yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.<sup>102</sup> Ini belum lagi termasuk fatwa-fatwa yang dikeluarkan dari semasa ke semasa bagi mengawal dan menyekat ajaran-ajaran menyeleweng dari pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di seluruh negara. Pembuktian dari undang-undang ini menjelaskan lagi bahawa Islam yang diterima dan diiktiraf di Malaysia hanyalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Malah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah dijadikan sebagai sumber rujukan dalam Pentadbiran Islam Persekutuan dan Negeri dan juga sebagai salah satu syarat dalam perlantikan jawatan berkaitan agama Islam.<sup>103</sup>

Maka sebarang cubaan untuk meruntuhkan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Negeri-Negeri. Tindakan boleh dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada yang sedang berkuatkuasa. Namun tidak dinafikan bahawa cabaran terhadap pengukuhan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah tetap wujud, walaupun ia dilindungi oleh undang-undang. Justeru, pemerksaan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah perlu dilakukan melalui pelbagai saluran antaranya yang paling berkesan adalah berteraskan pendidikan dan dakwah. Usaha ini walaupun telah lama berjalan, ia perlu dipertingkatkan

---

<sup>101</sup> Zakaria Stapa. 2015. *Keutuhan Ahli Sunnah Wal Jama'ah di Malaysia Dalam Memartabatkan Agama Islam*. Dlm. Muhammad Rashidi Wahab dan Wan Hishamuddin Wan Jusoh. "Pengukuhan Akidah Melalui Pendekatan Wasatiyyah". Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia. Hlm. 63

<sup>102</sup> Mahamad Naser Disa. 2015. *op.cit.* Hlm. 33.

<sup>103</sup> Zakaria Stapa. 2015. *op.cit.* Hlm. 62-63.

lagi dari semasa ke semasa, khususnya pada zaman kini. Semua pihak perlu bekerjasama dan berganding bahu dalam mendaulatkan agama Islam di Malaysia yang berteraskan manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

## **KESIMPULAN**

Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah mazhab yang menjadi pegangan majoriti umat Islam di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Secara umumnya, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah diertikan sebagai kumpulan majoriti umat Islam yang mengikut jejak langkah dilalui Rasulullah SAW dalam memahami dan mempraktikkan Islam merangkumi aspek akidah, fikah dan akhlak. Manakala Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah secara khususnya bermaksud mereka yang berpegang dengan aliran Asha'irah dan Maturidiyyah dalam aspek akidah. Definisi yang dikemukakan ini bukan sahaja menepati pengertian dari sudut bahasa dan istilah, bahkan ia juga bertepatan dengan fakta sejarah dan pengiktirafan yang diberikan oleh para ulama terhadap Asha'irah dan Maturidiyyah. Maka mengeluarkan Asha'irah dari mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah tindakan yang melampau.

Justeru, majoriti umat Islam di Malaysia didapati berpegang dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah aliran Asha'irah sejak dari awal kedatangan Islam di rantau Nusantara lagi. Kedudukan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah diiktiraf sebagai mazhab rasmi bagi umat Islam di Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Undang-Undang atau Enakmen di negeri-negeri. Kekuatan metodologi Asha'irah yang dipimpin oleh al-Ash'ari tersebut membolehkan aliran ini berkembang pesat dan terus bertahan sehingga kini. Dalam konteks semasa, Asha'irah juga dilihat berupaya untuk membentengi akidah Islam daripada serangan ideologi moden seperti sekularisme, humanisme, ateisme, liberalisme, pluralisme agama dan sebagainya lagi. Hal ini menjadikan Asha'irah sebagai aliran akidah arus perdana yang dinamik dan kekal relevan dalam zaman kontemporari ini.



## RUJUKAN

- ‘Ali Juma’ah. 2009. *Al-Bayan Lima Yashghal al-Azhan: Fatawa Shafiyah Qadaya ‘Ajilah. Qadirah*: al-Muqatam li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- ‘Ali Juma’ah. 2011. *Al-Mutashaddidun Manhajuhum... wa Munaqashatu Ahammi Qadayahum. Qahirah*: Dar al-Maqsam.
- A’lawiy, al-Sayyid ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husin bin ‘Umar. 1978. *Bughyah al-Mustarshidin*. Bayrut: Dar al-Ma’rifah.
- Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Shukor Husin. 1994. *Asyaari dan Manhajnya*. Dlm. Ibrahim Abu Bakar. “Spektrum Falsafah Islam”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Shukor Husin. 1998. *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abi Daud, Sulayman bin al-Ash’ath. 1998. *Sunan Abi Daud*. Tahqiq: Muhammad ‘Awwamah. Bayrut: Muassasah al-Riyad.
- Abu Hanifah. *Al-Wasiyyah al-Imam Abi Hanifah fi al-Tawhid*. 2009. Dlm. Muhammad Zahid al-Kawthari. “Al-‘Aqidah wa ‘Ilm al-Kalam”. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu Rayyan, Muhammad ‘Ali. T.th. *Tarikh al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam: al-Muqaddimat ‘Ilm al-Kalam al-Falsafah al-Islamiyyah*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Abu Zahrah, Muhammad. 1996. *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*. Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Ahmad Mahmud Subhi. 1985. *Fi ‘Ilm al-Kalam: Al-Asha’irah*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- al-Ash’ari, Abi al-Hasan ‘Ali bin Isma’il. 1955. *Al-Luma’ fi al-Rad ‘ala Ahl al-Zaygh wa al-Bid’a*. Tahqiq: Hamudah Gharabah. Misr: Matbu’ah Misriyyah.
- al-Ash’ari, Abi al-Hasan ‘Ali bin Isma’il. 1977. *Al-Ibanah ‘an Usul al-Diyanah*. Tahqiq: Fawqiyah Husin Mahmud. Misr: Dar al-Ansar.
- al-Ash’ari, Abi al-Hasan ‘Ali bin Isma’il. 1995. *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi ‘Ilm al-Kalam*. Tahqiq: Muhammad al-Waly al-Ash’ari al-Qadiri al-Rifa’i. Bayrut: Dar al-Mashari’.
- al-Asnawi, ‘Abd al-Rahim Jamal al-Din. 1987. *Tabaqat al-Shafi’iyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. T.th. *Al-Farqu Baina al-Firaq*. Tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Qahirah: Dar al-Tala'i.
- al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad. 2001. *Tuhfah al-Murid 'ala Jawharah al-Tawhid*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhari, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim. 2005. *Sahih al-Bukhari*. Qahirah: Dar al-Fajr Lilturath.
- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2007. *Al-Salafiyah: Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Madhhab Islami*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2009. *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyat*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1994. *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Tahqiq: Muwaffaq Fauzi al-Jabr. Damshiq: al-Hikmah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. T.th. *Al-Risalah al-Laduniyyah*. Dlm. Majmu'at Rasail al-Imam al-Ghazali. Tahqiq: Ibrahim Amin Muhammad. Qahirah: Al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- al-Hakim, Muhammad bin 'Abd Allah bin 'Abd Allah. 1990. *Al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain*. Tahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hindi, 'Ali al-Din Muttaqi bin Hisham al-Din. 1989. *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'al*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad al-Sharif. 1985. *Kitab al-Ta'rifat*. Bayrut: Maktabah Lubnan.
- al-Lalika'i, Abu al-Qasim Hibah Allah al-Hasan bin Mansur. 2001. *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Iskandariyah: Dar al-Basirah.
- al-Mahdali, al-Sayyid Muhammad 'Aqil bin 'Ali. T.th. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Madkhal wa Dirasah*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali. 2007. *Rijal al-Fikr wa al-Da'wah fi al-Islam*. Damshiq: Dar Ibn Kathir.
- al-Nawawi, Muhyi al-Din Abi Zakariyya bin Shaf. 2006. *Bustan al-'Arifin*. Tahqiq: Muhammad al-Hajar. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf. *La Fatwa Lishaltut bi al-Ta'bud 'Ala al-Ja'fary*. Dlm. <http://www.qaradawi.net/news/537.html>
- al-Qurtubi, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar. 2006. *Al-Jami' al-Ahkam al-Quran*. Tahqiq: 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin al-Tarki. Bayrut: Muassasah al-Risalah.

- al-Razi, Fakh al-Din Muhammad bin 'Umar. 1981. *Al-Tafsir al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Saffarini, Muhammad bin Ahmad bin Salim. 2008. *Lawami' al-Anwar al-Bahiyah*. Tahqiq: Abu 'Abd al-Rahman 'Adl bin Sa'id. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shak'ah, Mustafa Muhammad. 2006. *Islam Bila Madhahib*. Qahirah: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- al-Sharastani, Abi al-Fath Muhammad 'Abd al-Karim bin Abi Bakar. 1993. *Al-Milal wa Nihal*. Tahqiq: Amir 'Ali Mahna dan 'Ali Hasan Fa'ur. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Shatibi, Abi Ishaq Ibrahim bin Musa. T.th. *Al-I'tisam*. Tahqiq: Abu 'Ubaydah Mashhur bin Hasan Ala Sulayman. T.t.p: Maktabah al-Tawhid.
- al-Shayrazi, Abi Ishaq. 1999. *Al-Isharah ila Mazhab Ahl al-Haq*. Tahqiq: Muhammad al-Sayyid al-Jalayand. Qahirah: Al-Majlis al-A'la Lilshu'un al-Islamiyyah.
- al-Siba'i, Mustafa. 1966. *Al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islam*. Misr: Dar al-Qaumiyah.
- al-Sinan, Hamad dan al-'Anjari, Fawzi. 2006. *Ahl al-Sunnah al-Asha'irah*. Kuwayt: Dar al-Diya'.
- al-Subki, Taqi al-Din Abi Nasr 'Abd al-Wahab ibn 'Ali ibn 'Abd al-Kafi. 1964. *Tabaqat al-Shafi'iyyah* al-Kubra. Tahqiq: Mahmud Muhammad al-Tanahi dan 'Abd al-Fatah al-Hilw. T.tp: Dar Ihya' al-Kitab al-'Arabiyyah.
- al-Suyuti, 'Abd al-Rahman Jalal al-Din. 2011. *Tafsir al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. T.th. *Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Tahqiq: Markaz al-Dirasat al-Quraniyyah. Madinah Munawwarah: Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. 1410H. *Al-Tanbi'at bi man Yab'athuh Allah 'ala Ra'si Kulli Ma'ah*. Tahqiq: 'Abd al-Hamid Shanuhah. Makkah: Dar al-Thaqah.
- al-Tirmidhi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa. 1978. *Al-Jami' al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmizi*. Tahqiq: Ibrahim 'Atwah 'Awd. Qahirah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Tirmidhi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir*. Tahqiq: Basyar Anwar Ma'ruf. Bayrut: Dar al-Gharab al-Islami.
- al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad bin Muhammad al-Husaini. 1989. *It'haf al-Sadah al-Muttaqin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zirikli, Khayr al-Din. 2002. *Al-A'lam: Qamus al-Tarajim*. Bayrut: Dar al-'Ilm Lilmalayin.

- al-Zuhayli, Muhammad. 2009. *Mausu'ah Qadaya Islamiyyah Mu'asarah*. Damsyiq: Dar al-Maktabi.
- Azmil Zainal Abidin. 2017. *Keautoritian Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Induk dan Benteng Akidah Ummah*. AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (Vol. 19).
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). 2010. *Kamus Dewan*. Noresah Baharom (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. *Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Satu Analisis*. Jurnal Usuluddin (Bilangan 25).
- Ezad Azraai Jasmari dll. 2011 (15). *Penetapan Mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah Sebagai Definisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat.
- Ibn 'Ashkir, Abi al-Qasim 'Ali bin al-Hasan bin Hibah Allah. 1347H. *Tabyin Kadhib al-Muftari Fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash'ari*. Damshiq: T.p.
- Ibn al-Athir, Majad al-Din Abi al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari. 1963. *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Tahqiq: Mahmud Muhammad al-Tanahi dan Tahir Ahmad al-Zawi. T.t.p: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Ibn al-Jawzi, 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin Muhammad. 1409H. *Manaqib Imam Ahmad bin Hanbal*. Tahqiq: 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin al-Tarki. Giza: al-Hijr Liltiba'ah wa al-Nashar.
- Ibn Hazm, Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id al-Andalusi. T.th. *Jamharat Asnab al-'Arab*. Tahqiq: 'Abd al-Salam Muhammad Harun. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. 1999. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Tahqiq: Sami bin Muhammad al-Salamah. Riyad: Dar Thaibah.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Makram. 2003. *Lisan al-'Arab*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Ahmad bin Taymiyyah al-Harani. 2005. *Majmu'ah al-Fatawa*. Tahqiq: 'Amr al-Jazar dan Anwar al-Baz. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jalal Muhammad Musa. 1982. *Nasha'ah al-Ash'ariyyah wa Tatawuruha*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Kerajaan Malaysia. 2010. *Perlembagaan Persekutuan*. Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.

- Kerajaan Negeri Kelantan. 2008. *Undang-Undang Negeri Kelantan dan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*.
- M.B. Hooker. 1984. *Islamic in South-East Asia*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Mahamad Naser Disa. 2015. *Daulatkan Islam Agama Negara*. Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).
- Mohammed Imam. 1994 (Jun). *Freedom of Religion Under Federal Constitution of Malaysia - A Reappraisal*. Current Law Journal 2 (CLJ2).
- Mohd Aizam bin Mas'od. 2012. *Dasar-Dasar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Dalam Mempertahankan Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Akidah Peringkat Kebangsaan. 20 September 2012. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Mohd Sulaiman Yasin. 1997. *Ahlis-Sunah Wal-Jama'ah*. Bangi: Yayasan Salman.
- Mohd Zaidi Ismail. 7 Disember 2015. *Tiga ciri Ahli Sunnah wal Jamaah*. Dlm. <http://www.utusan.com.my/rencana/tiga-ciri-ahli-sunnah-wal-jamaah-1.166371>
- Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Faizul Azmi. 2013. *Kedudukan Akal Dalam Pendalilan Akidah*. Jurnal Teknologi: Sosial Sciences (63: 1).
- Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2012. *Takwilan Nas-Nas Sifat Mutashabihat Dalam Kalangan Salaf*. Global Journal al-Thaqafah (Volume 2 Issue 2).
- Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2013. *Peringkat Pemikiran Imam al-Ash'ari Dalam Akidah*. International Journal of Islamic Thought (Volume 3).
- Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Shahrizal Nasir dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2014. *Implikasi Penafian Majaz al-Quran Terhadap Nas-Nas Sifat Mutashabihat*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari (Bil. 8).
- Muslim, Abi al-Hussain Muslim bin al-Hajjaj. 2008. *Sahih Muslim*. Qahirah: Dar Ibn Hazm.
- Sa'di Abu Jaib. 1998. *Al-Qamus al-Fiqh Lughatan wa Istilahan*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Syamsul Bahri Andi Galigo dan Norarfan Zainal. 2012. *Pengenalan Ahli Sunnah Waljama'ah: Sejarah, Pendekatan dan Pemahaman*. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2010. *The 500 Most Influential Muslims In The World 2010*. USA: Georgetown University.
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2011. *The 500 Most Influential Muslims In The World 2011*. USA: Georgetown University.

Warta Kerajaan Negeri Johor. 2 Feb 2017. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003: Pemberitahuan di Bawah Subseksyen 48(6)*.

Zakaria Stapa. 2011. *Kedudukan Pemikiran al-Ash'ari dan al-Maturidi Dalam Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah*. Jurnal Islamiyyat (Jld 33).

Zakaria Stapa. 2015. *Keutuhan Ahli Sunnah Wal Jama'ah di Malaysia Dalam Memartabatkan Agama Islam*. Dlm. Muhammad Rashidi Wahab dan Wan Hishamuddin Wan Jusoh. "Pengukuhan Akidah Melalui Pendekatan Wasatiyyah". Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.